

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' HAJI ZAINUDIN BIN ISMAIL
(JELEBU)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 16.03.2015

Y.B. TUAN HAJI ZAINUDIN BIN ISMAIL [JELEBU] minta
MENTERI KEWANGAN menyatakan :-

(a) apakah kelemahan "*fundamental*" merupakan punca kenapa nilai ringgit jatuh berbanding dengan nilai mata wang asing utama atau terdapat unsur-unsur spekulasi di pasaran mata wang; dan

(b) berkait dengan perkara di atas, apakah pelan strategik dan langkah-langkah untuk mengukuhkan kembali nilai ringgit yang kini berada pada RM3.55 - RM3.60 berbanding satu USD.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penyusutan kadar pertukaran nilai ringgit yang berlaku baru-baru ini bukanlah suatu kes terpencil dan ianya didorong terutamanya oleh faktor luaran. Mata wang serantau yang lain turut mengalami penyusutan nilai antara 1.1% sehingga 10.1% berbanding dolar Amerika Syarikat (AS) sejak bulan September 2014 hingga 5 Mac 2015. Pengukuhan dolar AS adalah disebabkan oleh prospek ekonomi AS yang semakin baik dan kemungkinan kenaikan kadar faedah di AS yang menarik minat pelabur terhadap aset dalam nilai dolar AS. Selain itu, negara-negara pengeksport komoditi, termasuk Malaysia, turut mengalami kesan ekoran kejatuhan harga minyak mentah dunia.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Ekonomi negara masih berada pada tahap yang kukuh dengan mencatat pertumbuhan yang mapan sebanyak 6% pada tahun 2014 berbanding 4.7% pada tahun 2013. Pertumbuhan ekonomi yang baik ini adalah hasil daripada pelbagai inisiatif yang diambil untuk mempelbagaikan ekonomi negara serta meningkatkan daya tahan dan daya saing negara. Pertumbuhan ekonomi ini dipacu oleh

permintaan domestik dan asas-asas ekonomi kekal kukuh seperti kadar pengangguran yang rendah, sistem kewangan yang teguh dan rizab antarabangsa yang tinggi.

3. Menerusi Bank Negara Malaysia, Kerajaan akan memastikan keadaan yang teratur dalam pasaran pertukaran asing ringgit dan mengelakkan turun naik yang ketara dalam kadar pertukaran. Ini adalah penting memandangkan Malaysia merupakan sebuah ekonomi yang sangat terbuka dengan aktiviti perdagangan dan pelaburan antarabangsa yang tinggi. Usaha-usaha yang dilaksanakan untuk membangunkan dan memperdalamkan pasaran pertukaran asing dalam negeri dari segi saiz dan instrumen telah membolehkan peniaga tempatan untuk berlindung daripada terdedah kepada ketidakstabilan kadar pertukaran melalui perlindungan nilai.